A

Ahmad Farhan bin Ismail lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05(M)-259–06 TAHUN 2022 DAN C-05(M)-258–06 TAHUN 2022

AHMAD ZAIDI IBRAHIM, MOHAMED ZAINI MAZLAN HHMR DAN NOORIN BADARUDDIN H

C

27 NOVEMBER 2024

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu-perayu dituduh membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s 34 Kanun yang sama — Perayu-perayu disabitkan dan dihukum gantung sampai mati — Sama ada hukuman wajar digantikan dengan hukuman pemenjaraan sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 34 Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023

D

E

Pada 5 September 2018, SP12 bersama perayu-perayu dan Tuah pergi ke Temerloh. Perayu pertama berjumpa dengan Amir dan diberitahu tentang penangkapan Aiman iaitu abang perayu pertama oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Perayu pertama menyuruh Amir mencari dan membawa orang yang bertanggungjawab atas penangkapan Aiman. Pada waktu petang, si mati dibawa ke dalam pondok. SP12 merakam kejadian ketika berlaku pergaduhan di mana perayu kedua menikam si mati dan perayu pertama memukulnya dengan sebatang besi. SP12 dan Tuah turut memukul si mati, dan selepas mendengar jeritan 'polis', mereka melarikan diri. Pakar forensik bedah siasat menyimpulkan hasil pemeriksaan bedah siasat punca kematian si mati adalah akibat daripada kecederaan luka tikaman pada jantung. Perayu-perayu telah dituduh dengan satu kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. Mahkamah Tinggi telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap perayu-perayu. Oleh itu, rayuan ini. Adalah dihujahkan bahawa: (a) senjata yang telah digunakan oleh perayu pertama bukanlah merupakan senjata yang mengakibatkan kematian si mati dan oleh yang demikian, hukuman penjara yang minima wajar dikenakan ke atasnya; dan (b) kes yang melibatkan perayu-perayu bukanlah 'rarest of rare cases' di mana hukuman alternatif kepada hukuman mati adalah tertutup dan tidak wajar diberikan.

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Budi bicara sepertimana yang termaktub dalam Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang memperuntukkan budi bicara

kepada mahkamah sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati ataupun hukuman penjara tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun serta 12 kali sebatan adalah digunakan. Kedua-dua perayu wajar diberikan peluang untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat setelah selesai menjalani hukuman penjara memandangkan usia mereka yang masih muda serta mengambil kira mitigasi mereka bahawa mereka telah insaf akan kesalahan yang telah mereka lakukan. Oleh itu, hukuman dijatuhkan seperti berikut: (a) 30 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan rotan bagi perayu pertama; dan (b) 32 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan rotan bagi perayu kedua (lihat perenggan 13–15).

[English summary

On 5 September 2018, SP12 accompanied the appellants and Tuah to Temerloh. The first appellant met Amir and was informed about the arrest of Aiman, the first appellant's brother, by the National Anti-Drug Agency. The first appellant instructed Amir to find and bring the person responsible for Aiman's arrest. In the evening, the deceased was taken to a hut. SP12 recorded the incident during which a fight broke out where the second appellant stabbed the deceased, and the first appellant hit him with an iron rod. SP12 and Tuah also hit the deceased, and after hearing the shouts of 'police', they fled. The forensic expert conducting the autopsy concluded from the examination that the cause of death was due to stab wounds to the heart. The appellants were charged with murder under s 302 of the Penal Code read together with s 34 of the same Code. The High Court convicted and sentenced the appellants to death by hanging. Hence, this appeal. It was submitted that: (a) the weapon used by the first appellant was not the weapon that caused the death of the deceased, and therefore, a minimum prison sentence should be imposed on him; and (b) the case involving the appellants was not one of the 'rarest of rare cases' where an alternative sentence to the death penalty was closed and should not be imposed.

Held, allowing the appeal:

(1) The discretion as stipulated in the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023, which provided the court with the discretion to impose either a death sentence or a prison sentence of not less than 30 years and not more than 40 years along with 12 strokes of the cane, was exercised. Both appellants should be given the opportunity to return to their families and society after serving their prison sentences, considering their young age and taking into account their mitigation that they had repented for the offenses they committed. Therefore, the sentences were as follows: (a) 30 years imprisonment from the date of arrest and 12 strokes of the cane for the first appellant; and (b) 32 years imprisonment from the date of arrest and 12 strokes of the cane for the second appellant (see paras 13–15).]

Kes-kes yang dirujuk

Alowonle Oluwajuwon Gilbert v PP [2023] MLJU 2628, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 s 34
Kanun Keseksaan ss 34, 302

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No CB-45B-4–05 Tahun 2019 (Mahkamah Tinggi, Temerloh)

Aida Rahayu bt Abdul Rahman (Amara bt Abu bersamanya) (Aida Rahman & Co) bagi pihak perayu pertama.
Hazman bin Ahmad (Rafiq Rahimi bin Abdul Ghazi bersamanya) (Omar Ismail Hazman & Co) bagi pihak perayu kedua.
Ng Siew Wee (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Noorin Badaruddin H:

[1] Perayu-perayu yang telah dituduh dengan satu kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama telah merayu terhadap sabitan dan hukuman gantung sampai mati yang telah dijatuhkan ke atas mereka oleh Mahkamah Tinggi Temerloh pada 3 Jun 2022.

[2] Pertuduhan ke atas perayu-perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu, bersama-sama pada 5 September 2018, jam lebih kurang 5.30pm hingga jam 8.50 malam, bertempat di wakaf tepi sungai, Lot 506, Kampung Bangau Tanjung, di dalam Daerah Temerloh, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, dalam mencapai niat bersama, kamu telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Azman bin Che Aziz, No K/P: 800829–03–5105 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Perbicaraan rayuan telah ditetapkan pada 9 Mei 2024 dan di hadapan mahkamah ini, peguambela-peguambela perayu-perayu seterusnya memaklumkan bahawa representasi perayu-perayu terhadap hukuman telah diterima oleh pihak pendakwa raya. Perayu-perayu juga dikatakan telah bersetuju untuk hukuman gantung sampai mati yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi ke atas mereka digantikan dengan hukuman penjara.

[4] Timbalan pendakwa raya yang hadir di hadapan mahkamah ini juga telah mengesahkan bahawa pihak pendakwa raya/responden tiada bantahan untuk hukuman gantung sampai mati ke atas kedua-dua perayu digantikan

dengan hukuman pemenjaraan sepertimana yang diperuntukkan di bawah s 34 Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846). A

FAKTA KES

[5] Fakta kes sepertimana yang telah diringkaskan dalam penghakiman Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi adalah seperti berikut. B

> Fakta Kes
>
> ...
>
> [2] Secara ringkas fakta kes seperti berikut. Pada 5 September 2018 jam lebih kurang 4.30 pagi SP12 bersama teman lelakinya, OKT1 bersama Tuah dan OKT2 menaiki kereta Kia Forte No Pendaftaran WVH 2421 milik OKT1 pergi ke rumah OKT1 di Temerloh. Setelah sampai di Temerloh lebih kurang jam 6.40 pagi, mereka pergi ke rumah saudara OKT1 dan tinggalkan Tuah dan OKT2 di situ manakala OKT1 membawa SP12 ke rumahnya di Taman Temerloh Jaya. OKT1 berjumpa dengan Amir dan diberitahu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Temerloh ada menelefon memberitahu akan melepaskan Aiman iaitu abang OKT1 yang telah ditangkap oleh AADK. Pada jam 9 pagi SP12, OKT1 dan bapa OKT1 pergi ke Pejabat AADK Temerloh tetapi dimaklumkan mereka tidak boleh melepaskan Aiman. C D E
>
> [3] Pada jam 12 tengahari, SP12, OKT1, OKT2 dan Tuah pergi ke rumah SP9. Di rumah itu SP12 nampak OKT2 sedang mengasah besi dengan mesin grinder. SP12 nampak Amir (Mohamad Amiruddin bin Alias) dan adiknya (Mohamad Amirul Azizi bin Alias) iaitu SP10 ada datang ke rumah SP9 dengan menaiki sebuah motosikal. OKT1 menyuruh Amir mencari dan membawa orang yang memetik nama Aiman sehingga ditangkap AADK. F
>
> [4] Pada jam 4.30 petang, Amir bersama si mati dan SP6 tiba di rumah SP9. SP12 nampak OKT1 dan OKT2 ada bercakap dengan si mati dan Tuah di bawah pokok tepi pagar hadapan rumah tetapi tidak tahu apa yang dibincangkan. Setelah Amir beredar, SP12 nampak Tuah dan OKT2 menarik si mati masuk ke dalam kereta Kia Forte dan duduk di bahagian belakang. SP12 yang ikut sama dalam kereta mengatakan OKT1 ada singgah di gerai teh ais tepi jalan dan berjumpa seseorang. Apabila Amir dan SP10 tiba di situ dengan menaiki kereta jenis Proton Saga BLM, OKT1 menyuruh Amir dan SP10 mengikutnya. G
>
> [5] Mereka pergi ke tempat kejadian dan setelah sampai OKT1 membawa si mati keluar dari kereta dikuti oleh Tuah, Amir dan SP10 ke dalam pondok. SP12 yang berada dalam kereta nampak seperti berlaku pergaduhan lalu merakamkan dengan menggunakan kamera telefon bimbitnya kejadian tersebut. SP12 melihat OKT2 memeluk bahu si mati yang duduk di sebelahnya dalam pondok itu. SP12 nampak si mati keluarkan sesuatu dan mereka bergelut. Ketika itu SP12 nampak OKT2 telah menikam si mati beberapa kali tetapi tidak tahu bahagian mana. SP12 nampak ada percikan darah dari badan si mati terkena kerusi pondok dan pakaian yang dipakai oleh OKT-OKT. Tuah lari dan masuk kereta bersama SP12. Selepas itu SP12 melihat OKT1 lari menuju ke arah si mati dengan tiba-tiba sambil memegang sebatang besi bentuk T (P46A) dan memukul kepala si mati beberapa H I

kali sehingga memercik darah terkena kerusi pondok dan pakaian OKT-OKT.

[6] SP12 merampas P46A dari OKT1 dan memberikan pada Tuah. SP12 dan Tuah pergi dekat si mati. SP12 bertanya si mati 'ni ke budak yang mu petik tu' sambil tunjuk ke arah SP10 tetapi si mati menafikannya. Semasa itu SP12 nampak si mati dalam keadaan lemah dan mengerang kesakitan. Akibat berang, SP12 menamparpipi kanan si mati dan Tuah menumbuk si mati di bahagian muka masing-masing satu kali. Semasa masuk semula dalam kereta, SP12 melihat Amir menumbuk si mati satu kali hingga dua batang gigi palsu si mati tercabut dan terpelanting. Selepas itu OKT-OKT terus menumbuk, menyepak sehingga si mati jatuh ke lantai dan darah keluar dengan banyak. OKT-OKT juga memijak si mati sehingga si mati dilihat dalam keadaan sangat lemah, memegang perut dan menyebut kalimah Allah sebanyak tiga kali.

[7] SP12 keluar semula dari kereta dan menyuruh OKT-OKT berhenti memukul si mati. Selepas mendengar jeritan 'polis' SP12, OKT1, OKT2 dan Tuah lari masuk ke dalam kereta Kia Forte dan beredar diikuti oleh Amir dan SP10 dalam kereta Proton Saga BLM. Dalam perjalanan OKT1 singgah di perhentian bas untuk membersihkan badan dari kesan darah si mati. SP12 nampak OKT2 membuang pisau (P45A) bersama kain merah jambu (P47A) di kawasan perhentian bas.

[8] Selepas itu mereka pergi ke rumah Aiman dan OKT 1 telah menukar baju. OKT1 ada berjumpa ayahnya dan menukar kereta Kia Forte dengan Honda City dan bersama-sama SP12, OKT2 dan Tuah terus balik ke Kuala Lumpur. Setelah mengetahui si mati mati, Tuah telah menghilangkan diri. Pada jam 12 malam, 6 September 2018 semasa SP12, OKT-OKT berada di ladang kelapa sawit Batang Kali, OKT2 telah membuang telefon bimbit si mati yang diambilnya. Selepas itu SP12, OKT1 dan OKT2 sering bertukar kereta dan berpindah randah untuk elak dikesan polis.

[9] SP10 yang berada di pondok itu ada melihat kejadian dan menyokong keterangan SP12. SP10 mengatakan OKT1 yang menyuruh Amir membawa si mati ke rumah SP9 dan di sana beliau ada melihat OKT2 mengasah objek besi. Setelah si mati sampai bersama SP6 di rumah SP9, OKT1 mencabut kunci motosikal SP6 dan berlaku kekecohan. Amir memujuk OKT1 supaya memulangkan semula kunci motosikal itu dan SP6 beredar dan meninggalkan si mati di situ. OKT1 mengajak Amir dan SP10 pergi tempat kejadian.

[10] Sampai di sana OKT2 keluar dari kereta sambil mengheret si mati ke pondok. Setelah si mati duduk OKT2 meletakkan kakinya di atas peha si mati. SP10 yang berada di pondok mendengar OKT2 berkata kepada si mati 'siapa yang buat Aiman sampai kena 39(C)' sambil menikam satu kali di peha kiri dan beberapa kali di bahagian dada dan badan si mati dengan sebilah pisau yang dibalut kain, P45A dengan tangan kanan. Si mati merayu kepada OKT2 'kita tak buat abe'. OKT1 keluar daripada kereta dan mengambil spanar T, P46A dari bonet belakang pergi ke arah si mati dan memukul beberapa kali bahagian kepala si mati. Tuah ada menyepak dan menumbuk beberapa kali si mati. Selepas OKT1 berkata kepada Amir 'semalam dia dah projek Aiman, lepas tu, dia nak projek adik awak pulak'. Setelah dengar begitu Amir terus menumbuk satu kali muka si mati. Apabila melihat begitu SP10 menarik tangan Amir dan membawanya ke keretanya. Masa itu SP12 juga keluar dari kereta dan menampar muka si mati satu kali. Setelah

mendengar jeritan 'polis' kesemua mereka beredar dari situ.

[11] Hasil maklumat yang diberikan oleh OKT2, SP14 telah menjumpai P45A dan P47A di dalam semak di perhentian bas. Beliau telah membuat laporan polis, P47 berkaitan dengan maklumat yang diberikan oleh OKT2 dan laporan polis berkaitan dengan penemuan barang kes tersebut, P47A. SP14 turut merampas spanar T (P46A) dari sepupu OKT1, SP11 yang diletakkan oleh Tuah dalam raga motosikal milik SP11 pada 5 September 2018 jam lebih kurang 7.15 malam.

[12] SP7, pakar forensik bedah siasat menyimpulkan hasil pemeriksaan bedah siasat punca kematian si mati adalah akibat daripada kecederaan luka tikaman pada jantung.

MITIGASI

[6] Perayu pertama, Ahmad Farhan bin Ismail berumur 33 tahun ketika ini dan ini adalah merupakan kesalahan pertamanya. Sabitan yang dijatuhkan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi dikatakan telah menginsafkannya.

[7] Peguambela bagi pihak perayu pertama menghujahkan bahawa senjata spanar yang telah digunakan oleh perayu pertama untuk mengetuk kepala si mati bukanlah merupakan senjata yang mengakibatkan kematian si mati dan oleh yang demikian, hukuman penjara yang minima wajar dikenakan ke atasnya.

[8] Perayu kedua Mohamad Iqmal bin Zulkifli, berumur 26 tahun semasa kejadian dan masih belum berkahwin. Mahkamah ini dimaklumkan bahawa ini adalah kesalahan pertamanya dan sabitan yang telah dijatuhkan ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi dikatakan telah membawa keinsafan dalam dirinya. Peguambela yang bijaksana juga berhujah bahawa kehadiran keluarga perayu kedua di mahkamah menunjukkan sokongan dan harapan untuk perayu kedua memulakan kehidupan yang baru setelah selesai tempoh pemenjaraannya kelak.

[9] Peguambela yang bijaksana juga telah merujuk kepada keputusan mahkamah ini dalam kes *Alowonle Oluwajuwon Gilbert v Public Prosecutor* [2023] MLJU 2628 dan berhujah bahawa kes yang melibatkan perayu-perayu di hadapan mahkamah ini bukanlah 'rarest of rare cases' di mana hukuman alternatif kepada hukuman mati adalah tertutup dan tidak wajar diberikan.

[10] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah dan memohon agar mahkamah ini mengambil kira faktor kepentingan awam. Perhatian mahkamah dibawa kepada fakta bahawa kedua-dua perayu telah membawa senjata ketika membawa si mati ke tempat kejadian dan ini menunjukkan jenayah yang dilakukan adalah jenayah yang dirancang.

[11] Perhatian mahkamah ini seterusnya dibawa kepada fakta bahawa menurut SP7 iaitu ahli patologi, si mati mengalami 19 kecederaan dan tiga luka tikaman. Timbalan pendakwa raya yang bijaksana menghujahkan bahawa walaupun hanya satu luka tikaman yang membawa maut namun satu luka tikaman tersebut telah menusuk ke dalam paru-paru serta menembusi jantung si mati mengakibatkan pendarahan yang banyak yang membawa kepada kematian si mati. Maka adalah dihujahkan bahawa mahkamah ini perlu mengambil kira akan keseriusan kecederaan yang dialami oleh si mati.

[12] Timbalan pendakwa raya juga menghujahkan bahawa trend hukuman berkaitan dengan kes-kes yang serupa oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan menunjukkan hukuman yang dijatuhkan adalah dalam lingkungan 33 hingga 35 tahun penjara dan 12 sebatan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[13] Setelah mendengar dan meneliti fakta kes dan mitigasi serta hujahan berkaitan hukuman oleh kedua-dua perayu dan pihak pendakwaan/responden, mahkamah ini sebulat suara membenarkan rayuan ke atas hukuman oleh kedua-dua perayu. Kami menggunakan budi bicara kami sepertimana yang termaktub dalam Akta 846 yang memperuntukkan budi bicara kepada mahkamah sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati ataupun hukuman penjara tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun serta 12 kali sebatan.

[14] Kami berpendapat bahawa kedua-dua perayu wajar diberikan peluang untuk kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat setelah selesai menjalani hukuman penjara memandangkan usia mereka yang masih muda serta mengambil kira mitigasi mereka bahawa mereka telah insaf akan kesalahan yang telah mereka lakukan.

KESIMPULAN

[15] Kami telah memberikan pertimbangan kepada kepentingan awam, keseriusan kesalahan, peranan perayu-perayu dalam melakukan kesalahan serta mitigasi kedua-dua perayu. Mahkamah ini sebulat suara menjatuhkan hukuman seperti berikut:

(a) Ahmad Farhan bin Ismail:
30 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan rotan; dan

(b) Mohamad Iqmal bin Zulkifli:
32 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 sebatan rotan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh